

**Minit Mesyuarat Unit Peperiksaan Dalam  
Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Kajang  
Bil 01/ 2022**

Tarikh : **29 Julai 2022 (Jumaat)**  
Masa : **7.20 pagi – 8.15 pagi**  
Tempat : **Bilik Mesyuarat SJKT Kajang**

**KEHADIRAN**

- |    |                     |                                   |
|----|---------------------|-----------------------------------|
| 1. | Pn. S. Bijealachemy | Guru Besar                        |
| 2. | Pn. A. Vanmathi     | PK Pentadbiran                    |
| 3  | Cik Robeah Salman   | KP BM                             |
| 4. | Pn. W. Puspa        | KP BI                             |
| 5. | Pn. S. Patma        | KP SN                             |
| 6. | Pn. M. Navanitam    | KP MT                             |
| 7. | En. S. Viswamlingam | KP BT                             |
| 8. | Pn. K. Theivanai    | Setiausaha Unit Peperiksaan Dalam |

**TIDAK HADIR DENGAN KENYATAAN**

-

**TURUT HADIR**

-

**URUS SETIA MESYUARAT**

- |    |                  |                                   |
|----|------------------|-----------------------------------|
| 1. | Pn. K. Theivanai | Setiausaha Unit Peperiksaan Dalam |
|----|------------------|-----------------------------------|

**AGENDA MESYUARAT**

- 1. *Perutusan Pengerusi, Pn. S. Bijealachemy***
  - 1.1 Guru besar mengucapkan terima kasih kepada semua ketua panitia mata pelajaran teras yang telah hadir ke mesyuarat kali ini.
  - 1.2 Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada semua ketua panitia kerana telah memberikan komitmen yang tinggi dalam memastikan dan membimbing semua guru mata pelajaran terutamanya mata pelajaran teras untuk memastikan masalah dalam PdP dapat dikurangkan dan cuba diatasi.

- 1.3 Guru-guru perlu menyediakan soalan dan menjalankan peperiksaan untuk menilai tahap penguasaan murid selepas pandemik Covid-19 dan PKP. Murid-murid dilihat tidak serius dalam PdP sejak pandemik. Peperiksaan perlu dijalankan untuk memberi kesedaran kepada mereka bahawa pihak sekolah masih menekankan penilaian dan pencapaian mereka.

**2. *Pembentangan dan pengesahan minit mesyuarat lalu***

Tiada

**3. *Perkara-perkara Berbangkit***

Tiada

**4. *Perkara Dibincangkan***

**4.1 *Ucapan Aluan***

4.1.1 Pn. Vanmathi, PK Pentadbiran mengucapkan terima kasih kepada semua ketua panitia terutamanya mata pelajaran teras kerana komited dalam menjalankan tanggungjawab yang diberikan.

4.1.2 Beliau meminta semua ketua panitia menetapkan dan merancang format kertas soalan yang akan disediakan.

**Tindakan: Makluman**

**4.2 *Ucapan Guru Besar - Pentaksiran***

4.2.1 Hak autonomi diberikan kepada sekolah untuk menentukan format soalan dan cara pelaksanaan pentaksiran. Guru besar memberikan kuasa kepada ketua panitia untuk menetapkan format kertas pentaksiran.

**Tindakan: Makluman**

4.2.2 Pentaksiran Tahap 2 dijalankan melalui 4 cara iaitu Pentaksiran Pusat, PBD, PPSI dan PAJSK. Kesemua ini perlu diberikan penekanan terutamanya PBD dan PBS.

**Tindakan: Makluman**

4.2.3 Pelaporan PBD perlu dibuat dua kali setahun. Guru-guru perlu telus dalam membuat pentaksiran.

**Tindakan: Makluman**

4.2.4 PBS perlu dijalankan untuk murid-murid Tahun 4, 5 dan 6 (Ujian Sumatif). Ujian Formatif juga perlu dijalankan oleh guru-guru untuk semua murid Tahun 1 hingga Tahun 6.

**Tindakan: Makluman**

4.2.5 Penekanan diberikan kepada murid-murid tahun 6. Ini kerana mereka dilihat tidak serius dalam pembelajaran disebabkan UPSR tiada. Pentaksiran perlu dijalankan untuk mereka sekurang-kurangnya 5 kali untuk memastikan mereka bersedia dan tiada masalah Ketika meneruskan persekolahan di sekolah menengah. Soalan pentaksiran tahun 6 perlu disediakan bersesuaian dengan kemahiran yang dipelajari merangkumi kemahiran dari tahun 1 hingga 6

**Tindakan: Makluman**

4.2.6 Peperiksaan pertengahan tahun akan diadakan untuk semua murid. Tahap 2 ujian sumatif dan tahap 1 ujian formatif.

**Tindakan: Makluman**

4.2.7 Guru-guru yang ditetapkan untuk menggubal soalan perlu menyediakan soalan mengikut format yang ditetapkan oleh ketua panitia.

**Tindakan: Makluman**

4.2.8 Guru-guru perlu menepati tarikh yang ditetapkan untuk memastikan PBS dapat dijalankan seperti dirancang. Tarikh-tarikh penting adalah seperti berikut :-

Penyediaan kertas soalan dan semakan	- 1 – 10 Ogos 2022
Cetakan soalan	- 15 Ogos 2022
Peperiksaan	- 22 – 26 Ogos 2022

## **5. Hal-hal lain**

5.1.1 Ketua panitia diminta berbincang bersama-sama ahli panitia dan menetapkan format serta kemahiran yang akan diuji.

## **6. Penutup**

6.1 Mesyuarat ditangguhkan pada jam 8.15 pagi.

6.2 Guru besar mengucapkan terima kasih kepada guru-guru yang hadir.

Disediakan oleh,

Setiausaha Unit Peperiksaan Dalaman

Bertarikh : 1 Ogos 2022

UnitPeperiksaanDalaman/ Minit Mesyuarat Bil 01 Julai 2022